



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : <https://jpnkedah.moe.gov.my>

Ruj.Kami: JPNK.500-3/2/2 Jld.7 (31)
Tarikh : **27** Jun 2024

Pengarah

Pusat Latihan Mengajar dan Industri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Aras Bawah, Blok 9
Kampus Sultan Azlan Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan

Ybrs. Prof. Dr.,

**KEBENARAN UNTUK PENEMPATAN GURU PELATIH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNTUK MENJALANI PERANTIS GURU (PG) / PROGRAM PERANTIS GURU (PPG) DI SEKOLAH
BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**

Adalah saya diarah merujuk surat YBhg. Prof., UPSI/PLMI/PPG/639 Jld. 9 (11) bertarikh 20 Jun 2024 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** dan **menbenarkan** pihak YBhg. Prof. untuk menempatkan pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (**seperti lampiran**) di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalani latihan mengajar di sekolah seperti ketetapan berikut:

| Perkara | Tarikh | Tempoh |
|-----------------------|-------------------------------------|----------|
| Program Perantis Guru | 04 Ogos 2024 hingga 03 Oktober 2024 | 8 Minggu |

3. YBhg. Prof. adalah diminta berhubung dengan Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah berkenaan terlebih dahulu agar program ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. YBhg. Prof. juga dinasihatkan agar dapat mematuhi perkara-perkara seperti berikut:

- 3.1 Mendapat persetujuan daripada Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah berkenaan;
- 3.2 Pihak sekolah akan melantik guru / guru-guru pendamping dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru-guru pelatih berkenaan;
- 3.3 Pihak Universiti / institut pendidikan hendaklah menamakan pegawai akademik / pensyarah pembimbing yang akan bertanggungjawab kepada guru-guru pelatih berkenaan;
- 3.4 Pengarah Pendidikan Negeri boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual pengajaran / tugas pelatih berkenaan setelah berbincang dengan pegawai akademik / pensyarah pembimbing mereka;
- 3.5 Guru-guru pelatih boleh diarahkan oleh Pengetua untuk terlibat sama dengan mana-mana program dan / atau aktiviti sekolah;
- 3.6 Pihak Universiti / institut pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan pelatih sepanjang menjalani latihan mengajar dan intership tersebut;

Ruj.Kami : JPNK.500-3/2/2 Jld.7 (31)

- 3.7 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa menjalani latihan pengajar dan intership tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak universiti / pihak pendidikan;
 - 3.8 Pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar dan intership adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, etika profesion keguruan dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut;
 - 3.9 Salinan laporan di akhir latihan mengajar dan intership hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar; dan
 - 3.10 **Kelulusan ini adalah tertakluk kepada:**
 - 3.11.1 **Seksyen 103(1) dan 2(b) dan 2(c), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);**
 - 3.11.2 **Sekyen 114(1)(a) Pengeluaran Permit Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);**
 - 3.11.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1985: Latihan Mengajar Bagi Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan, Pusat/Fakulti Pendidikan Universiti.**
 - 3.11 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar dari semasa ke semasa.
 - 3.12 **Guru-guru pelatih perlu mematuhi sepenuhnya Standard Operating Procedure (SOP) pengawalan penularan jangkitan Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) yang dikeluarkan oleh KPM, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.**
4. Kebenaran ini adalah untuk tujuan tersebut di atas dan sah sehingga 03 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menjalankan amanah,



(KOSIM BIN AHMAD)

Penolong Pendaftar
Institusi Pendidikan Dan Guru
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
b.p. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia